Suara dari Tanah Suci:

Khusbah Jumaas dari Masjidil Haram

Oleh: Fadīlah Shaykh Abdullah Khiyāţ

Imam Besar Masjidil Haram

Al-ḥamduli Lāh alladhī aghzana bi al-Islām, aḥmaduhu, subḥānahu wahuwa ṣāḥibu alfadlu wa al-an ʿām, wa ashhadu an lā ilaha illā Allāh wahdahu lā sharīka lahu, wa ashhadu anna saiyidinā Muhammadā 'abduhu wa rasūluhu saiyidi al-anām, Allāhumma salli wa sallam 'ala ʻabdika warasūlika Muḥammad, wa ʻala alihi waṣaḥbihi ... amma baʻdu fayā ʻibād Allāh ittaqū Allāh!

Terjemahan: Wahyu Qalam

Wahai sekalian hamba Allah, Takutilah kamu akan Allah!

Perpaduan yang telah diikat oleh Islam di antara pemeluk-pemeluknya yang terdiri dari kaum Muslimin dari satu benua ke satu benua, dari suatu negeri ke suatu negeri dan seterusnya dari suatu pulau ke suatu pulau adalah ikatan yang dinamakan "ukhuwwah Islamiyyah", berdasarkan firman Allah: "Innamā al-mu 'minūna ikhwah" - "Bahawa sesungguhnya orang-orang Mukmin itu bersaudara".

Perpaduan di dalam ikatan "ukhuwwah Islamiyyah" inilah yang menimbulkan emosi "kasih sayang" dan menanamkan perasaan "mahabbah" yang mendalam di jiwa setiap manusia yang benar-benar memahami erti kalimah "ukhuwwah Islamiyyah" yang dituntut, malahan diwajibkan oleh Islam ke atas setiap Muslim dan Muslimah melaksana dan mempraktikkannya.

Rasulullah (S.A.W) di dalam suatu hadithnya menegaskan bahawa "Seorang Mukmin bagi Mukmin yang lain itu seperti sebuah tembok (bangunan)

yang tersusun dengan teguh antara setengah dengan setengahnya." Tetapi bila masa dan ketikanya, seorang Mukmin dengan Mukmin yang lain itu menjadi kuat dan teguh, seperti teguhnya bangunan tembok yang melekat antara satu sama lain itu? Jawabnya; Bila mana mereka sudah bersatu padu. Perpaduan yang dituntut oleh hadith di atas, bukanlah merupakan suatu perpaduan kecil, antara ayah dengan anak, antara adik dengan abang, antara keluarga dengan keluarga atau pun perpaduan antara sesatu bangsa dengan satu bangsa yang seketurunan, tetapi "perpaduan" yang dituju oleh Islam ialah "perpaduan umum", perpaduan seluruh umat Islam yang terdiri dari berbagai bangsa dan berlainan asal keturunan.

Apabila perpaduan umat Islam sejagat telah dapat diciptakan dalam erti kata yang sebenarnya, maka pada saat itu akan tertanamlah perasaan belas kasihan di jiwa kaum hartawan terhadap fakir miskin, perasaan

timbang rasa antara golongan atas terhadap golongan bawah yang seagama dengannya. Dari perasaan belas kasihan dan timbang rasa ini, akan timbullah semangat gotong-royong, bantu-membantu terhadap satu sama lain bagi menutup keperluan hidup saudara-saudara mereka yang serba-serbi dalam kekurangan.

Dengan adanya semangat bantu-membantu di kalangan umat Islam sesama sendiri, nescaya akan terciptalah sebuah masyarakat Islam yang teguh dan konkrit berdasarkan saling cintamencintai, kasih-mengasihi dan hormat-menghormati di antara satu sama lain yang mana dengan adanya perasaan suci ini tertanam di jiwa setiap anggota masyarakat Islam, dengan sendirinya akan terhapuslah perasaan hasad dengki antara umat Islam yang terdiri dari golongan marhaen terhadap umat Islam yang terdiri dari golongan bangsawan dan hartawan. Dengan ini juga hidup berkelas-kelas dan berkasta-kasta di dalam masyarakat Islam akan terhapus sama sekali

Khutbah Jumaat . . .

Sidang Jumaat yang mulia:

Zakat, bersedekah dan pinjammeminjam adalah sesuatu sistem "gotong-royong" yang sangat sesuai sekali dipraktikkan oleh semua golongan manusia yang ingin membina satu masyarakat hidup yang aman-damai. Oleh itu Allah Subḥānahu wa Ta 'ālā memberikan jaminan dan berjanji akan memperlipat-gandakan ganjaran setiap wang yang dikeluarkan kerana menolong (memberikan pinjaman atau menderma) kepada jalan Allah, sebagaimana firman-Nya dalam Sūrah al-Baqarah ayat (245):

"Man dhā al-ladhī yuqriḍu Allah qarḍā hasanā fayuḍāʿifahū lahū aḍʿāfā kathīrat, wa Allāḥ yaqbiḍū wa yabsuṭu wa ilayhi turjiʿūn".

Ertinya: "Siapakah orang yang mahu meminjamkan kepada Allah satu pinjaman yang baik, * supaya Allah gandakan (ganjaran) pinjaman itu baginya dengan beberapa kali ganda? Kerana Allah berkuasa menyampaikan (rezeki seseorang) dan meluaskannya, dan kepada-Nyalah kamu akan dikembalikan."

Mengeluarkan zakat, bersedekah dan memberikan pinjaman kepada seorang yang berhajat itu adalah termasuk dalam erti kata 'ihsan".

Ihsan itu tidak mempunyai batasan, malahan ia meliputi semua golongan manusia yang memerlukan bantuan hidup, asal sahaja

bantuan yang diterimanya itu digunakan kepada jalan yang diredhai Allah. Ihsan ini termasuk juga dalam ertikata "ta 'āwun" atau "tolong-menolong" antara sesama manusia seumumnya, sebagaimana firman Allah dalam Sūrah al-Ma'idah ayat (2):

"Wa ta ʿāwanu ʿalā al-birri wa al-taqwā, wa lā ta ʿāwanū ʿalā al-ithmi wa al-ʿudwān, wa ittaqū Allāh inna Allāh shadīd al-ʿiqāb."

Ertinya: "Dan bertolong-tolonglah kamu atas jalan kebaikan dan takwa (berbakti), dan janganlah kamu bertolong-tolongan atas jalan dosa (maksiat) dan permusuhan, dan hendaklah kamu takut kepada Allah, sesungguhnya Allah itu sangat keras seksannya."

Setiap bantuan dan pertolongan yang diberikan secara adil, tanpa pilih kasih adalah menambahkan lebih erat perhubungan jiwa di antara orang yang memberi dengan orang yang menerima, orang-orang yang hidupnya sentiasa susah dan menderita akan merasa bangga, lantaran nasib malang mereka dapat perhatian yang sewajarnya dari saudara-saudara mereka yang seagama dan hak mereka yang telah ditentukan Allah tidak dirampas dengan begitu kejam oleh golongan hartawan yang telah dikurniakan Allah kesenangan dan kemakmuran dalam kehidupannya. Ini sebagaimana yang telah saya katakan tadi, semakin memperdalamkan lagi emosi "kasih sayang" dan perasaan "mahabbah" di antara dua golongan manusia yang hidup mewah dan menderita itu.

dengan teguhnya di jiwa antara dua golongan tersebut, maka sebuah masyarakat Islam yang aman damai pasti akan tercipta di maya pada ini.

Setiap orang yang telah diberikan

Allah kelebihan dalam hidupnya, janganlah
hendaknya merasa rugi mengeluarkan

wang kerana membantu saudara-saudaranya yang
berhajat kepada bantuan dan pertolongan,
kerana dalam ayat yang lain Allah ada
berfirman:

"ĀminūbiAllāhwarasīlihiwaanfiqūmimmā jaʿalakum mustakhlafīna fīhi, fa al-ladhīna āmanū minkum wa anfaqū lahum ajru kabīr."

Ertinya: "Berimanlah kepada Allah dan rasul-Nya, dan belanjakanlah dari (kemampuan) yang Allah telah jadikan kamu pengurusnya (yang berhak) padanya; maka orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang membelanjakan (harta mereka pada jalan Allah), bagi mereka adalah ganjaran pahala yang besar." (Sūrah al-Ḥadīd ayat 7).

Dan firman-Nya lagi dalam Sūrah al-Ḥadīd juga ayat (18):

"Inna al-muṣṣaddiqīna wa al-muṣṣaddiqāti wa aqraḍū Allāh qarḍā ḥasanā yuḍā ʿafu lahum, wa lahum ajru karīm."

Ertinya: "Sesunguhnya orang lelaki yang bersedekah dan orang perempuan yang bersedekah dan meminjamkan kepada Allah, (membelanjakan hartanya di jalan Allah), satu pinjaman yang baik, akan digandakan balasan pahala kepada mereka, dan bagi mereka adalah diberi ganjaran yang utama."

Bila mana perasaan ini telah tertanam

^{*} Meminjamkan sesuatu kepada Alah itu maksudnya, ialah menderma kadar kemampuan kita tentang urusan-urusan yang Allah perintahkan kepada kita mengerjakannya. – (*Al-Furqān fī tafsīr al-Qur ʿān* – muka surat: 77).

Khutbah Jumaat . . .

Kedua ayat di atas menggambarkan bahawa Allah telah berjanji dan memberikan jaminan yang sepenuhnya untuk memberikan ganjaran pahala yang berlipatganda kepada orang-orang Islam yang membelanjakan wang dan harta bendanya, di jalan Allah, demi untuk menolong saudara-saudaranya yang ditimpa oleh kesusahan atau pun yang hidup menderita.

Diriwayatkan bahawa pada zaman Rasul (S.A.W) ada segolongan miskin yang terdiri daripada orang-orang Islam mengurung diri mereka di dalam Masjid al-Nabawī kerana belajar ilmu dan mendalamkan pengetahuan mereka dalam masalah-masalah agama, maka Rasulullah berpesan (bersabda) kepada sahabat-sahabatnya: "Barangsiapa di antara kamu yang ada memiliki barang-barang makanan untuk dua orang, maka jadikanlah dia untuk tiga orang, dan barangsiapa di antara kamu yang mempunyai makanan untuk empat orang, maka jadikanlah dia untuk lima atau enam orang". (Maksudnya ajaklah salah seorang fakir miskin yang menuntut ilmu di Masjid al-Nabawī itu makan bersama-sama dengan para Sahabat itu).

Wahai Ikhwan al-Muslimīn

Inilah satu gambaran

"perpaduan" dan semangat "gotongroyong" dalam Islam yang telah
dipraktikkan oleh Rasulullah (S.A.W)
dan para Sahabat di zaman silam.
Ini menunjukkan bahawa Islam adalah
suatu agama yang berdasar timbang-rasa
terhadap umat manusia dari golongan
marhaen yang kurang bernasib baik

dalam kehidupan mereka di alam wujud ini.

Islam menentang kaum feudal yang konsep hidup mereka berhaluan kebendaan, memeras tenaga dan menghisap darah orang-orang miskin demi untuk memuaskan nafsu tamak mereka monopoli kemewahan hidup di dunia bagi kepentingan diri dan keluarga mereka sahaja. Begitu pula Islam menentang fahaman Komunis yang mempunyai dasar hidup "sama rata sama rasa", tetapi hak milik orang ramai dirampas dengan secara paksaan dan dijadikan hak milik negara.

Kedua-dua konsep di atas adalah menanamkan perasaan dendam dijiwa orang-orang yang tidak diberi hak serta harta benda mereka, dizalimi dengan secara kejam. Timbulnya perasaan "balas dendam" dan tercetusnya "pemberontakan" dalam sebuah negara, adalah dari gejala-gejala penindasan yang dilakukan oleh kaum feudal terhadap rakyat marhaen dan gara-gara dari rampasan harta benda hak kepunyaan sesuatu golongan yang dilakukan oleh orang-orang yang berfahaman Komunis.

Tetapi kedatangan Islam membawa suatu konsep pertengahan yang membasmi "penindasan" menghisap darah manusia yang lemah, serta menyekat habis-habisan dasar "merampas" harta benda hak kepunyaan orang ramai dengan secara paksaan yang berlawanan dengan naluri semulajadi yang dikurniakan Tuhan kepada setiap makhluk-Nya yang berjenis "manusia".

Oleh kerana itulah bila mana memperkatakan soal "perpaduan" dan "tolong-menolong" ini, Islam tidak membataskan ke atas sesuatu golongan manusia sahaja, tetapi dasar "perpaduan" dan konsep "gotong-royong" yang dianjurkan oleh Islam itu meliputi seluruh umat Islam di merata pelosok dunia walau apa pun bangsa dan jenis keturunan mereka, malahan kalau boleh dan tidak membahayakan umat Islam dan tidak pula sampai menjatuhkan imej agama Islam yang suci, maka "perpaduan" itu tidak ada halangan diperluaskan lagi meliputi seluruh umat manusia yang bukan seagama dengan mereka. Tetapi sebelum itu umat Islam harus ingat, perpaduan antara bangsa yang akan dilaksanakan itu, janganlah sampai membawa kepada terhinanya umat Islam dan jangan pula sampai ternodanya kehormatan agama Islam yang diakui Tuhan akan kemuliaanya.

Sidang Jumaat yang mulia:

Rata-rata kita sama maklumi, bahawa nun di sana, di bumi Arab khususnya di dataran bumi Palestin berjuta-juta bilangan saudara-saudara kita kaum Muslimin sedang menghadapi penderitaan hidup, akibat dari "rompakan" yang telah dilakukan oleh tentera-tentera yahudi ke atas tanah air, kampung halaman dan harta benda mereka dengan cara kekejaman yang terkeluar dari batas perikemanusiaan. Kalau dulunya mereka hidup mewah makmur, tinggal di rumah-rumah gedung yang berhawa dingin, maka sekarang mereka hidup menderita di pinggir-pinggir padang pasir yang kering tandus, tingal di dalam khemah-khemah kain terpal1 yang membakar kulit. Namun begitu, orang-orang Yahudi yang telah menguasai seluruh bumi Palestin

¹ Sejenis kain yang kasar dan tebal tenunannya, biasa digunakan untuk membuat khemah.

Khutbah Jumaat . . .

itu tidak merasa puas melihat penderitaan-penderitaan begitu hebat yang dialami oleh orang-orang Muslimin Arab di bumi tempat tumpah darah dan hak mutlak kepunyaan mereka itu, oleh itu dengan tidak mempunyai perasaan belas kasihan, mereka bunuh, mereka sembelih hidup-hidup orang-orang yang cuba bersuara meminta "keadilan" dari pihak yang berkuasa Yahudi yang menguasai bumi mereka, orang-orang yang memohon keadilan itu mereka cap sebagai "pemberontak" yang cuba hendak menggulingkan kerajaan Yahudi; hukuman yang mereka terima ialah syahid di tiang gantungan atau pun di hujung peluru.

Akibat dari perbuatan-perbuatan kejam dan durjana yang dilakukan oleh pihak yang berkuasa Yahudi ini, menyebabkan terlantarnya janda-janda yang kehilangan suami, bertambah banyaknya bilangan anak-anak yatim yang ditinggalkan ayah tempat mereka menggantungkan nasib hidup di masa depan. Selain dari Allah, kepada saudara mereka kaum Musliminlah harapan mereka meminta bantuan dan pertolongan; kalau tidak ada tangan yang menghulurkan bantuan, akan terlantarlah hidup mereka di sepanjang zaman, akan gelaplah masa depan anak-anak mereka yang bakal menjadi generasi Muslim angkatan baru, lantaran tidak mepunyai pelajaran, dan akan rugilah masyarakat Islam menampung pemuda-pemudinya yang bakal hidup jahil dalam sebuah dunia Islam yang memerlukan para inteleknya yang berjiwa agama.

Wahai Ikhwan Muslimin!

Setiap orang-orang Islam yang mempunyai isteri dan anak, mestilah menginsafi akan nasib malang yang ditanggung oleh janda-janda dan anak-anak yatim yang telah ditinggalkan oleh suami dan ayah-ayah mereka menemui maut di hujung senjata dan di tiang gantungan algojo-algojo Yahudi yang bersifat kejam dan tidak mempunyai rasa perikemanusiaan itu. Lantaran mereka yang menderita itu terdiri dari golongan orang-orang Islam, maka kewajipan melepaskan mereka dari jurang neraka dunia itu adalah terpikul di atas pundak setiap orang Islam yang berada di seluruh dunia

Mereka juga adalah manusia seperti kita, mempunyai perasaan ingin hidup mulia seperti saudara-saudra mereka orang-orang Islam yang lain, oleh itu janganlah ragu-ragu menghulurkan sebarang bantuan kepada mereka, walaupun bantuan itu dianggap kecil, tetapi kalau setiap orang Islam tidak merasa ragu-ragu dengan kebenaran janji-janji yang telah ditegaskan Tuhan di dalam ayat-ayat-Nya yang lalu, maka mereka pasti tidak akan keberatan menderma dan menghulurkan bantuan-bantuan kepada saudara-saudara mereka yang menjadi mangsa keganasan dan kekejaman dari penjajahan Yahudi yang berkuku besi itu

Takutilah kamu akan Allah wahai ikhwan muslimin: tanamkanlah rasa persaudaraan Islam yang berdasarkan "ukhuwwah Islamiyyah" ke dalam jiwa kamu, bertolong-tolonganlah kamu antara satu sama lain demi untuk mendapatkan keredaan Allah dan bersatu-padulah kamu untuk membina sebuah masyarakat

Islam yang teguh dan konkrit, lantaran perpaduan yang mengikuti ajaran-ajaran yang dibawa oleh Islam itu akan diberkati Tuhan.

A ʿūdhu bi Allāh mina al-shayṭāni al-rajīm "Al-ladhīna yunfiqūna amwālahum bi al-layl wa al-nahār sirrā wa ʿalāniyata, falahum ajruhum ʻinda rabbihim wa lā khawfu ʻalayhim wa lā hum yahzanūn."

Ertinya: "Orang-orang yang membelanjakan harta-harta mereka siang dan malam, dengan rahsia (bersembunyi-sembunyi) dan dengan berterang-terangan, mereka akan mendapat ganjaran pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada ketakutan atas mereka dan mereka tidak pula berdukacita."

Nafaʻanī Allāh wa iyyākum bi hudā kitābuhu. Aqūlu qawlī hadhā wa astaghfiru Allāh al-'adhīm lī walukum wa lisā'iri al-muslimīn min kulli dhunub, fa astaghfirūhu innahu huwa al-ghafūr al-rahīm.

Dipetik dan diterjemahkan daripada:

Akhbar al-'Ālam al-Islāmī.

| * * | * |
|--|---|
| ····· Harga Langganan Majala | Ah Qalam |
| 6 bulan | \$3.60 |
| 1 tahun | \$7.20 |
| Senaskhah | \$0.60 |
| 6 bulan \$3.60 1 tahun \$7.20 Senaskhah \$0.60 Termasuk belanja post. Pesanlah kepada: Penerbitan QALAM 8247, Jalan 225, Petaling Jaya, | |
| Pesanlah kepada: | |
| Penerbitan QALA | M |
| 8247, Jalan 225, | |
| Petaling Jaya, | |
| Selangor. | |
| >>>>>>> | >>>>>>> |
| | 6 bulan 1 tahun Senaskhah Termasuk belanja po Pesanlah kepada: Penerbitan QALA 8247, Jalan 225, Petaling Jaya, Selangor. |